

Mara lulus semua pinjaman

Urusan permohonan usahawan selesai dalam dua minggu

13/11 14/10/08 ms 19

Oleh Nur Fadzmin Alias
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Mara akan meluluskan semua permohonan pinjaman usahawan dalam tempoh dua minggu berkuat kuasa serta-merta, kata Pengerusinya, Datuk Seri Idris Jusoh.

“Saya sudah berbincang dengan pengurusan Mara dan menetapkan tempoh dua minggu untuk meluluskan permohonan skim bantuan ini, melainkan ada maklumat tidak lengkap dan perlu ditangguhkan,” katanya selepas melancarkan Pusat Penyelesaian Perniagaan (BSC) di Ibu Pejabat Mara, di sini semalam.

Beliau mengulas komen Menteri Pembangunan Usahawan dan Operasi, Datuk Seri Noh Omar mengenai kelemahan sistem penyampaian Mara termasuk kerenah kelulusan pinjaman, tempoh kelulusan yang terlalu lama dan birokrasi.

Idris berkata, penubuhan BSC akan memudahkan orang ramai mendapatkan



IDRIS mengguna video telefon sambil diperhatikan Nam dan Pengarah Urusan Kumpulan AJV Holding Sendirian Berhad, Amran Ahmed pada majlis pelancaran Business Solution Centre, di Kuala Lumpur, semalam.

maklumat perniagaan, bantuan kewangan, premis latihan dan kemudahan di bawah kementerian secara terperinci.

BSC bertujuan menguruskan perniagaan mengikut perkembangan semasa daripada konsep konvensional

kepada teknologi terkini untuk mencapai jaringan perniagaan dan penyebaran maklumat lebih luas di kalangan usahawan.

Hadir sama Ahli Majlis Mara, Datuk Mohamad Rais Zainuddin; Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin;

dan Timbalan Ketua Pengarah (Usahawan) Mara, Othman Ahmad.

Mara memperuntukkan RM 1.191 bilion dan mensasarkan 111 kiosk berjaya dicapai menjelang akhir Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9).